

PEMBINAAN SKEMA PEMARKAHAN HOLISTIK BERFOKUS BAGI MENGGREDKAN KARANGAN PEMUJUKAN

Hashim Othman

Abstrak

Selaras dengan penyerapan idea komunikatif dalam kurikulum pendidikan bahasa Melayu, suatu alat bagi mengukur kecekapan berbahasa berasaskan kriteria komunikatif sangat diperlukan untuk digunakan dalam penilaian bahasa kendalian sekolah, misalnya dalam penilaian kemahiran menulis. Bagi tujuan itu, makalah ini melaporkan pembinaan skema pemarkahan holistik berfokus skema komunikatif bagi mengredkan perlakuan karangan pemujukan mengikut kategori pencapaian. Pembinaan alat ialah yang menggunakan idea komunikatif yang menyatakan bahawa karangan merupakan perlakuan berbahasa melalui interaksi tiga komponen kecekapan, iaitu sosiolinguistik, wacana dan tatabahasa. Sebagai perlakuan, penilaiannya dibuat mengikut pendekatan holistik yang melihat karangan sebagai suatu keseluruhan. Untuk pengesahan alat, sebanyak 111 buah sampel karangan yang digredkan oleh pemeriksa yang dilatih khas telah digunakan. Keputusan kajian menunjukkan skema komunikatif mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (0.93), di samping mempunyai kesahan kriteria, iaitu dengan koefisien korelasi yang melebihi 0.80 melalui kesahan serentak dengan alat yang sedia digunakan di Malaysia dan pada peringkat antarabangsa.

Abstract

In line with the infusion of communicative ideas in the Malay language educational curricula, an instrument to measure the language proficiency based on the communicative criteria is sorely needed in

school based assessment for e.g. in the writing skills. For this purpose, this article reports the development of a focused holistic scoring scheme communicative scheme to grade the writing performance of persuasive essays according to achievement categories. The development of the instrument is based on the communicative ideas, which states that composing is a language performance through the interaction of three components, i.e. sociolinguistics, discourse and grammar. As a performance, assessment is conducted holistically that viewed essays as an entity. One hundred and eleven sample essays graded by specially trained raters are used to validate the instrument. The research findings show that the reliability of the instrument is high (0.93), besides having criterion validity, i.e. with a correlation coefficient of more than 0.80 through concurrent validation with instruments presently employed in Malaysia and internationally.

PENDAHULUAN

Dalam penilaian bahasa kendalian sekolah, penilaian kemahiran menulis biasanya menggunakan pendekatan impresionistik atau holistik (lihat Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994) yang menganggap penilaian yang sah bagi karangan adalah melalui pemeriksaan sampel karangan sebagai suatu keseluruhan (Llyod-Jones, 1977). Pendekatan ini selaras dengan idea komunikatif (Hymes, 1972) yang menyatakan bahawa karangan ialah perlakuan bahasa yang menjadi penunjuk kefasihan berbahasa pada seseorang yang harus ditaksir secara langsung dengan menggunakan kriteria kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana, dan kecekapan tatabahasa (Duran, 1988; Hutchinson, 1990). Walau bagaimanapun, skema pemarkahan holistik karangan yang digunakan (lihat Azman, 1982; Abdul Aziz, 1993) bukan sahaja tidak memperlihatkan kriteria komunikatif yang jelas, malah kurang penumpuan terhadap aspek kebahasaan yang meliputi pertautan dan pertalian (Khatijah, 1996). Oleh itu, pembinaan alat penaksiran perlakuan karangan adalah perlu sebagai alternatif bagi alat yang sedia ada untuk menggambarkan isi kandungan kurikulum kemahiran menulis dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987 & 2001) dan Kurikulum Bahasa Melayu KBSR-KBSM Sekolah Bestari (Ministry of Education, Malaysia, 1997) yang mempunyai unsur komunikatif yang jelas (lihat Juriah, 1992; Hashim, 2000b dan 2001).

Kajian Hashim menunjukkan bahawa kemahiran menulis yang diajarkan pada peringkat menengah merupakan perlakuan komunikatif yang terdiri

daripada tiga komponen kecekapan, iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa. Selari dengan tanggapan tradisional bahawa tatabahasa hampir merupakan segala-galanya dalam penguasaan bahasa, kecekapan tatabahasa dibuktikan sebagai kecekapan komunikatif yang utama dalam kemahiran menulis, diikuti kecekapan wacana dan kecekapan sosiolinguistik. Melalui kecekapan tatabahasa, pelajar menunjukkan penguasaan struktur bahasa yang terdiri daripada aspek morfologi dan sintaksis, termasuklah aspek mekanik seperti ejaan dan tanda baca. Dengan kecekapan wacana, dapatlah pelajar menunjukkan kecekapan menggunakan unsur bahasa untuk membina pertautan dan pertalian bagi membentuk wacana yang utuh, sementara kecekapan sosiolinguistik memungkinkan pelajar menguasai konteks sosial sesebuah wacana yang membabitkan khalayak dan tujuan interaksi.

Bukti tentang gagasan komunikatif dalam karangan seterusnya menjadi asas pembinaan alat bagi menaksir pencapaian kefasihan berbahasa, khususnya kemahiran menulis atau untuk memantau program pengajaran kemahiran berkenaan. Alat yang dibina bagi menaksir pencapaian kemahiran menulis adalah bertujuan untuk menilai kecekapan menggunakan bahasa secara langsung, iaitu perlakuan bahasa dalam konteks. Alat yang tepat dan berkesan memungkinkan guru menggunakannya dalam penilaian sumatif kemahiran menulis di dalam kelas, iaitu bagi menggedkan kemahiran menulis mengikut kategori pencapaian.

PEMBINAAN SKEMA KOMUNIKATIF

Skema komunikatif merupakan sejenis skema pemarkahan holistik berfokus bagi menggedkan perlakuan karangan mengikut kategori pencapaian. Pembinaannya berasaskan pendekatan holistik yang mengandaikan karangan sebagai suatu keseluruhan (Llyod-Jones, 1977). Skema pemarkahan ini berfokus pada kriteria penilaian yang ditetapkan lebih awal, iaitu berdasarkan komponen komunikatif yang ditemui dalam kajian Hashim, (2000a, 2000b dan 2001), iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa.

Pembinaan alat adalah berpandukan cadangan yang dikemukakan oleh Bachman dan Savignon (1986). Mengikut Bachman dan Savignon, pembinaan alat ujian kefasihan berbahasa harus mempunyai beberapa ciri utama. Pertama, definisi kecekapan berbahasa komunikatif harus meliputi sekurang-kurangnya kecekapan tatabahasa, kecekapan wacana, dan kecekapan sosiolinguistik. Kedua, skala pemarkahan yang dihasilkan sepatutnya berdasarkan definisi tersebut dan bagi penilaian yang bersifat holistik, penelitian terhadap hubungan antara komponen kecekapan komunikatif turut diperlukan. Ketiga,

definisi skala pemarkahan perlu berdasarkan komponen kecekapan komunikatif tanpa merujuk secara khusus kepada isi kandungan dan konteks. Keempat, skala yang dibina harus juga mendefinisikannya dalam bentuk pernyataan tentang takat kehadiran atau ketidakhadiran sesuatu komponen, bukan sekadar norma perlakuan sebenar.

Prinsip Skema Komunikatif

Pembinaan skema komunikatif mengikut prinsip yang berikut:

1. Perlakuan karangan ialah aktiviti komunikatif yang menjadi penunjuk bagi keupayaan seseorang menggunakan kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana, dan kecekapan tatabahasa dalam konteks (Duran, 1988; Hutchinson, 1990; Weir, 1990). Bagi menggedkan perlakuan karangan mengikut kategori pencapaian, kecekapan ini menjadi kriteria utama dalam skema pemarkahan. Kecekapan sosiolinguistik merupakan kemahiran memilih laras bahasa dan gaya mengikut konteks, tujuan, dan khalayak karangan; kecekapan wacana ialah kemahiran menyusun ayat dan makna bagi menghasilkan pertautan dan pertalian dalam teks mengikut jenis karangan; dan kecekapan tatabahasa menekankan ketepatan menggunakan struktur bahasa melalui penguasaan peraturan tatabahasa dan aspek mekanik (lihat Hashim, 2000b dan 2001).
2. Perlakuan karangan merupakan interaksi antara komponen kecekapan komunikatif (Canale dan Swain, 1981; Hutchinson, 1990). Kualiti perlakuan yang ditunjukkan ialah keupayaan penulis menyepadukan komponen kecekapan komunikatif, iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa bagi menghasilkan teks yang berkesan mengikut konteks.
3. Perlakuan karangan membabitkan kecekapan proses, iaitu menemukan hal yang hendak ditulis, dan memilih bentuk yang tepat bagi melahirkan idea (Odell, 1981). Penemuan merupakan peringkat penulis menganalisis dan meneliti bahan yang sesuai mengikut topik, memilih idea kawalan sebagai fokus teks, dan menimbang idea sokongan. Pemilihan bentuk yang tepat merupakan kecekapan menyusun atur, mengolah dan mempersembahkan idea, maklumat, pemikiran atau perasaan dengan tepat mengikut konteks, tujuan, dan khalayak karangan.
4. Kriteria yang menjadi panduan penggedan perlakuan didefinisikan dalam bentuk jangkakan kecekapan yang ditunjukkan oleh penulis dalam karangan (Carroll, 1980; Weir, 1990 dan 1993). Skema penggedan perlakuan digunakan bersama skala pemeringkatan pencapaian

perlakuan yang menetapkan pencapaian tinggi, sederhana, dan rendah. Gred pencapaian tinggi ialah 5 – 6, gred pencapaian sederhana ialah 3 – 4, dan gred pencapaian rendah ialah 1 – 2.

5. Penggredan perlakuan karangan dibuat berasaskan andaian holistik, iaitu penilaian yang sah bagi wacana bergantung pada pemeriksaan sampel karangan sebagai suatu keseluruhan (Llyod-Jones, 1977; Cooper, 1977; Odell, 1981). Pembahagian markah khusus tidak diberikan pada mana-mana komponen kecekapan. Gred yang diberikan menunjukkan perlakuan karangan yang menggambarkan kecekapan komunikatif pada penulis.
6. Sebagai wacana, jenis karangan ditentukan mengikut orientasi dan tujuan (Llyod-Jones, 1977). Karangan pemujukan berorientasikan pembaca yang bertujuan untuk memujuk. Di samping tujuan utama untuk memujuk yang mempengaruhi retorik dan organisasi teks, karangan pemujukan turut mengandungi unsur penerangan dan pelahiran.

Isi Kandungan Alat

Skema ini mempunyai tiga komponen kecekapan, iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa. Setiap komponen mempunyai subkomponen tersendiri. Komponen sosiolinguistik mempunyai subkomponen tujuan, situasi, dan khalayak; komponen wacana mempunyai subkomponen persembahan, pengolahan, dan kesatuan; dan komponen tatabahasa mengandungi subkomponen penggunaan. Setiap subkomponen mempunyai pemerian yang menunjukkan kualiti kecekapan yang dijangkakan.

Pertimbangan kecekapan sosiolinguistik dibuat berdasarkan pemahaman tujuan penulisan, situasi, dan kesedaran terhadap khalayak (pembaca).

1. *Tujuan*: Berdasarkan konteks dan situasi penulisan, penulis menunjukkan pemahaman tujuan penulisan, iaitu memujuk pembaca. Penulis berusaha meyakinkan pembaca dengan ideanya melalui hujah yang menyokong tajuk.
2. *Situasi*: Penulis mengukuhkan situasi tugas dengan menggunakan hujah berdasarkan pengalaman peribadinya bagi mengekalkan tumpuan terhadap tajuk.
3. *Khalayak*: Ada perhubungan antara penulis dengan pembaca melalui

gaya penulisan yang sesuai. Penyampaian idea mengikut format syarahan dengan susunan idea yang rapi mengikut perenggan.

Pertimbangan kecekapan wacana meliputi pengetahuan tentang aspek persembahan, pengolohan, dan kesatuan.

1. *Persembahan*: Persembahan idea dilakukan secara teratur dan berfokus melalui pertautan leksikal. Pertalian ditunjukkan melalui hubungan sebab-tujuan, syarat-hasil, sebab-akibat, dan latar-kesimpulan.
2. *Pengolohan*: Pengolohan idea menekankan logik, hubungan perbandingan, kata pembuka dan penutup wacana, di samping bukti khusus dan huraian yang jelas.
3. *Kesatuan*: Kesatuan ayat dalam wacana bertumpukan sarana rujukan dan kata hubung.

Pertimbangan kecekapan tatabahasa dibuat berasaskan kemahiran menggunakan pengetahuan tatabahasa.

1. *Penggunaan*: Penulis menunjukkan penguasaan aspek sintaksis dan menggunakannya dengan berkesan bagi membina pertautan aspek tatabahasa dan leksikal. Ketepatan penggunaan tanda baca, ejaan, dan aspek morfologi menggambarkan penguasaan tatabahasa oleh penulis.

PENGESAHAN SKEMA KOMUNIKATIF

Pengesahan skema komunikatif dilakukan mengikut prosedur yang memabitkan pembinaan tugas karangan, dan pengumpulan data gred karangan melalui sesi pemeriksaan karangan.

Pembinaan Tugas

Pembinaan tugas dalam kajian ini berdasarkan prinsip keautentikan ujian, yakni penilaian perlakuan secara langsung yang mengambil pandangan Widdowson (1978) yang mensyaratkan kewujudan interaksi antara pengguna bahasa dengan wacana. Idea Widdowson menyamai saranan Oller (1979), iaitu sesebuah ujian bahasa perlu mempunyai syarat subjek memahami kesalinghubungan pragmatik antara konteks linguistik dengan unsur yang mempengaruhi konteks linguistik.

Pembinaan tugas karangan dalam kajian ini turut menimbang cadangan Jacob *et al.* (1981) tentang cara mengurangkan pengaruh pengetahuan

atau pengalaman sedia ada pada calon dalam tugas. Antaranya ialah pemilihan topik perlu menepati tahap pendidikan dan minat calon; kemungkinan dapat merangsang calon berkomunikasi dengan pembaca; dan tidak berat sebelah atau menguntungkan calon tertentu. Tegasnya, subjek dalam tugas harus berkisar dalam lingkungan pengetahuan dan kebolehan calon, tetapi tidak terlalu mudah.

Secara khusus, tugas mempunyai dua bahagian, iaitu situasi dan arah penulisan. Bahagian situasi penulisan bertujuan untuk mengorientasikan calon kepada subjek yang akan dituliskan. Bahagian arah penulisan meletakkan syarat penulisan yang perlu dihasilkan oleh calon.

Tugas karangan memujukan meminta subjek mencipta atau menjana idea bagi meyakinkan, memujuk, atau membuat penerangan kepada khalayak. Selain bertujuan untuk memujuk khalayak, tugas ini juga memerlukan subjek agar membuat penerangan dengan jelas dan teratur, dan melahirkan perasaan dan pengalaman peribadi yang sesuai dengan tajuk (lihat Vahapassi, 1988; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Situasi karangan menyediakan maklumat tentang khalayak yang dikenal. Dalam karangan yang dihasilkan, subjek perlu menunjukkan pengetahuan tentang konteks sosial dengan memahami tujuan, khalayak, dan situasi tugas; menyusun atur ayat dan idea bagi membina pertautan dan pertalian dalam teks; dan menunjukkan penguasaan peraturan tatabahasa yang meliputi morfologi dan sintaksis, dan aspek mekanik, iaitu ejaan, dan tanda baca.

Data Gred Perlakuan Karangan

Pengumpulan data tentang gred perlakuan karangan dalam kajian ini dilakukan dengan mengredkan sampel karangan memujukan. Prosedur pengredan Varble (1990) yang digunakan bagi mengredkan perlakuan sampel karangan diubahsuai mengikut sesi pengredan yang membabitkan skema pemarkahan yang berbeza, iaitu skema komunikatif, skema tradisional, dan skema wacana bagi tujuan kesahan serentak. Sebanyak 111 buah sampel karangan yang dihasilkan oleh 111 subjek telah digunakan dalam kajian pengesahan alat.

Skema Komunikatif

Sesi pengredan perlakuan karangan dengan menggunakan skema komunikatif dilakukan mengikut langkah yang berikut:

1. Setiap pemeriksa meneliti skema pemarkahan dengan memusatkan

perhatian pada kriteria yang menjadi asas penilaian, iaitu kecekapan berbahasa dalam komponen sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa. Tujuannya adalah untuk membiasakan pemeriksa dengan kriteria skema penggredan yang ditetapkan.

2. Pemeriksa membaca karangan dan meletakkan karangan mengikut kategori, iaitu tinggi, sederhana, dan rendah. Pengumpulan karangan ke dalam kumpulan tersebut dibuat berasaskan kriteria sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa mengikut aras gred. Gred 5 – 6 bagi tahap tinggi; gred 3 – 4 bagi tahap sederhana; dan gred 1 – 2 bagi tahap rendah.
3. Setelah tugas mengkategorikan perlakuan karangan mengikut kumpulan pencapaian selesai dilakukan, pemeriksa membaca setiap karangan semula dan menggredkan karangan berkenaan berdasarkan pemerik yang menjadi kriteria setiap gred dalam skema. Pemerik yang digunakan adalah berasaskan darjah penguasaan kecekapan berbahasa mengikut komponen sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa. Gred yang paling sesuai mengikut kategori pencapaian karangan dicatat pada borang markah yang disediakan.

Skema Tradisional

Sesi penggredan karangan dengan menggunakan skema tradisional menyamai langkah skema komunikatif, kecuali penggunaan kriteria yang berbeza. Secara khusus, penggredan sampel karangan mengikut langkah yang berikut:

1. Pemeriksa meneliti dan memahami pemerik yang menjadi kriteria bagi setiap gred (1, 2, 3, 4, 5, dan 6). Mata gred 1 merupakan pencapaian terendah, sementara mata gred 6 ialah pencapaian tertinggi.
2. Pemeriksa membaca karangan secara sepintas lalu untuk mendapatkan kesan keseluruhan dan menganggarkan aras gred yang sesuai bagi karangan berkenaan.
3. Pembacaan kedua dilakukan bagi menetapkan mata gred sebenar karangan berasaskan penelitian pemerik setiap gred yang merupakan pernyataan tentang darjah pencapaian kriteria yang ditetapkan.

Skema Wacana

Bagi penggredan perlakuan sampel karangan dengan skema wacana, iaitu skema pemarkahan yang berasaskan pendekatan analitik, prosedur yang diikuti

hampir menyamai prosedur penggredan dengan skema komunikatif dan skema tradisional, kecuali pada langkah ketiga yang memerlukan pemeriksa membaca sampel karangan sebanyak tiga kali dengan menggunakan kriteria penilaian yang berbeza. Pembacaan pertama bertumpukan pada kriteria kualiti dan skop isi; pembacaan kedua bertumpukan kriteria organisasi dan persembahan isi; dan pembacaan ketiga bertumpukan kriteria gaya dan nada. Setiap gred yang diberikan pada karangan adalah berasaskan kriteria yang berbeza dan akan dipuratakan bagi mendapatkan gred akhir perlakuan karangan.

Tugas penggredan perlakuan karangan dengan menggunakan skema pemarkahan yang berbeza bermula dengan sesi latihan untuk pemeriksa. Dalam sesi latihan, pemeriksa dilatih meneliti dan memahami kriteria dan arahan penggredan perlakuan karangan. Tujuannya adalah supaya pemeriksa mempunyai pemahaman yang sama tentang kriteria yang digunakan dalam setiap skema, di samping mematuhi peraturan penggredan. Bersesuaian dengan tujuan kajian, penyelarasan gred perlakuan karangan tidak dilakukan.

Tugas penggredan sampel karangan dimulakan dengan sesi taklimat dan latihan untuk pemeriksa. Penggredan perlakuan karangan dengan menggunakan skema pemarkahan tertentu mengambil masa lima hari dan tempoh enam bulan bagi setiap sesi pemeriksaan karangan dipatuhi untuk mengelakkan pengaruh sesuatu skema pemarkahan ke atas pemeriksa. Sesi pembacaan bagi menggredkan perlakuan bermula dengan menggunakan skema komunikatif, diikuti dengan skema wacana, dan skema tradisional.

Kebolehpercayaan dan Kesahan Skema Komunikatif

Skema komunikatif merupakan alat penaksiran perlakuan karangan yang dibina bagi menggredkan perlakuan karangan mengikut kategori pencapaian. Pengesahannya dilakukan dengan menggunakan korelasi kebolehpercayaan antara pemeriksa, dan kesahan serentak dengan dua buah skema yang sedia diterima pakai, iaitu skema tradisional dan skema wacana.

Kebolehpercayaan antara Pemeriksa

Kebolehpercayaan antara pemeriksa ditentukan dengan korelasi. Jika korelasi skor antara pemeriksa adalah tinggi, maka skema pemarkahan dianggap dapat dipercayai.

Jadual 1 menunjukkan korelasi skor pemeriksa pertama dan pemeriksa

kedua karangan pemujukan bahasa Melayu dengan menggunakan skema komunikatif. Didapati nilai r bagi karangan jenis pemujukan adalah sangat tinggi, iaitu 0.93 ($p < 0.001$, $n = 111$).

Jadual 1 Korelasi Skor Pemeriksa Pertama dan Kedua Skema Pemarkahan Komunikatif

Jenis karangan	Korelasi	Bil. Sampel
Pemujukan	0.93*	111

* ($p < 0.000$)

Kesahan Kriteria

Skema komunikatif ialah skema pemarkahan holistik berfokus yang dibina berasaskan model kecekapan komunikatif dan pendekatan holistik dalam penilaian karangan. Kriteria pemarkahan bertumpukan tiga komponen kecekapan, iaitu kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana, dan kecekapan tatabahasa yang dinyatakan dalam bentuk jangkaan perlakuan dalam karangan. Pemarkahan karangan dibuat secara holistik, iaitu yang menilai karangan sebagai suatu keseluruhan. Pengesahan kriteria skema dilakukan melalui kesahan serentak dengan dua buah skema pemarkahan karangan yang sedia diterima pakai di Malaysia dan di luar negara.

Skema yang diterima pakai bagi memarkahkan karangan di sekolah menengah Malaysia ialah skema tradisional, sementara skema dari luar negara ialah skema wacana. Skema tradisional berasaskan pendekatan holistik, sementara skema wacana bersifat analitik. Koefisien korelasi yang tinggi antara pemeriksa yang menggunakan skema komunikatif dengan pemeriksa yang menggunakan skema tradisional dan skema wacana dianggap bukti tentang kesahan kriteria, iaitu menaksir gagasan yang sama.

Korelasi Skor Skema Komunikatif dengan Skema Tradisional dan Skema Wacana

Jadual 2 menunjukkan korelasi antara pemeriksa yang menggunakan skema komunikatif dengan skema tradisional dan skema wacana untuk menggredkan karangan jenis pemujukan pelajar tingkatan empat.

Didapati korelasi antara skema komunikatif dengan skema tradisional

dan skema wacana adalah tinggi. Koefisien korelasi antara skema komunikatif dan skema tradisional ialah 0.81 ($p < 0.001$, $n = 111$), sementara antara skema komunikatif dan skema wacana, koefisien korelasinya ialah 0.92 ($p < 0.001$, $n = 111$).

Jadual 2 Korelasi Skor antara Pemeriksa yang Menggunakan Skema Komunikatif dengan Skema Tradisional dan Skema Wacana

Jenis karangan	Korelasi		Bil. Sampel
	SK - ST	SK - SW	
Pemujukan	0.81*	0.92*	111

* ($p < 0.000$)

SK: Skema komunikatif

ST: Skema tradisional

SW: Skema wacana

PERBINCANGAN

Skema komunikatif versi pemujukan dibina berasaskan gagasan komunikatif mengikut pendekatan holistik berfokus dalam penilaian karangan. Pengesahannya membabitkan analisis kebolehpercayaan antara pemeriksa dengan kesahan kriteria. Analisis kebolehpercayaan antara dua pemeriksa bagi skema komunikatif versi pemujukan menunjukkan alat ini mempunyai koefisien korelasi yang tinggi, iaitu 0.93.

Bagi mencari bukti kesahan kriteria, analisis korelasi gred pemeriksa pertama dan kedua dilakukan antara skema komunikatif dengan skema tradisional, dan antara skema komunikatif dengan skema wacana. Analisis koefisien korelasi antara pemeriksa yang menggunakan skema komunikatif versi pemujukan dengan pemeriksa yang menggunakan skema tradisional bagi menggredkan karangan pemujukan mendapati koefisien korelasi yang tinggi, iaitu 0.81. Hal ini menunjukkan skema komunikatif versi pemujukan mempunyai kesahan kriteria, iaitu menaksir daerah umum atau gagasan yang sama seperti skema tradisional.

Analisis koefisien korelasi antara pemeriksa yang menggunakan skema komunikatif versi pemujukan dengan pemeriksa yang menggunakan skema wacana bagi menggredkan karangan pemujukan mendapati koefisien

korelasi yang sangat tinggi dengan skema wacana, yaitu 0.92. Hal ini menunjukkan skema komunikatif mempunyai kesahan kriteria, yaitu menaksir daerah umum atau gagasan yang sama seperti skema wacana.

Kebolehpercayaan Skema Komunikatif

Kebolehpercayaan antara pemeriksa terhadap skema komunikatif ialah 0.93. Kebolehpercayaan antara pemeriksa yang tinggi gred 5 dan sangat tinggi gred 6 membayangkan tahap persetujuan pemeriksa tentang kriteria pemarkahan yang dinyatakan dalam skema pemarkahan bagi menggedredkan karangan penerangan, pemujukan, dan pelahiran. Dapatan kajian ini juga membayangkan skema yang berfokuskan kriteria komunikatif dan dinyatakan dalam bentuk perlakuan yang dijangkakan daripada subjek bagi menilai perlakuan karangan secara keseluruhannya dapat merapatkan persetujuan antara pemeriksa.

Hasil kajian ini yang menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi antara pemeriksa karangan telah mengukuhkan dapatan kajian sebelumnya dan menafikan dakwaan Diederich seperti yang dilaporkan oleh Hillocks (1986) yang menganggap pemarkahan holistik tidak dapat dipercayai. Beberapa keputusan yang dilaporkan oleh Cooper (1977) dan Hillocks (1986) menunjukkan kebolehpercayaan pemeriksa karangan sejak tahun 1934 dapat dipertingkat melebihi 0.8 secara tekal. Pengkaji pada tahun 1980-an dan 1990-an turut mengesahkan bukti ketekalan pemarkahan holistik yang digunakan dalam peperiksaan dan pengajaran, sama ada yang membabitkan pemeriksa yang terlatih atau tidak terlatih, guru atau pelajar, misalnya Moss *et al.* (1982), Fischer (1984), Mitchel dan Anderson (1986), Knudson (1992), Kern dan Schultz (1992), Hannah dan Charles-Austin (1990), dan Pula (1990) yang melaporkan kebolehpercayaan yang tinggi.

Bukti yang menyokong kebolehpercayaan alat turut ditunjukkan melalui pemarkahan holistik berfokus, misalnya melalui kajian Witt (1993) yang mendapati kebolehpercayaan antara pemeriksa yang tinggi. Walau bagaimanapun, korelasi antara skala pemarkahan analitik yang dibinanya dengan skala pemarkahan holistik berfokus didapati rendah dan ini menggambarkan setiap skala menaksir aspek kefasihan mengarang yang berlainan. Secara khusus, Witt melaporkan skala pemarkahan holistik dapat menaksir beberapa aspek karangan yang mempunyai masalah kebolehpercayaan yang tidak dapat dinilai dengan skala analitik. Hal ini mengukuhkan kesahan skema komunikatif yang

berasaskan gagasan komunikatif sebagai alternatif selain dua skema yang sedia diterima pakai.

Kebolehpercayaan pemarkahan holistik bagi menggedkan karangan, di samping penjimatan kos dan masa, terutamanya dalam penilaian karangan yang membabitkan bilangan calon yang ramai menjadikannya pilihan banyak pengkaji dan guru. Perkembangan ini mengukuhkan keyakinan terhadap penggunaan skema pemarkahan holistik, khususnya pemarkahan holistik berfokus dalam penilaian berasaskan sekolah atau berpusat. Sebagai tambahan bagi pendekatan holistik yang dibuktikan mempunyai kebolehpercayaan antara pemeriksa yang tinggi, kajian ini mengemukakan kriteria alternatif yang berasaskan gagasan komunikatif sebagai asas untuk menaksir kefasihan mengarang dalam pengajaran kefasihan berbahasa.

Kesahan Skema Komunikatif

Kesahan skema komunikatif versi pemujukan ditunjukkan melalui bukti kesahan kriteria dengan kaedah kesahan serentak dengan dua skema pemarkahan karangan yang sedia diterima pakai. Analisis korelasi skema komunikatif dengan skema tradisional yang digunakan di Malaysia, dan dengan skema wacana yang digunakan di luar negara menunjukkan kesahan bertumpu (Crocker dan Algina, 1986) dengan korelasi yang tinggi secara keseluruhannya.

Bukti korelasi menunjukkan skema komunikatif versi pemujukan menaksir daerah umum atau gagasan yang sama (Anastasi, 1988) kerana menghasilkan korelasi yang tinggi antara ketiga-tiga skema yang digunakan. Secara keseluruhan, korelasi yang tinggi antara skema komunikatif dengan skema tradisional dan skema wacana menggambarkan kesahan kriteria dalam alat. Tegasnya, skema komunikatif yang berasaskan model komunikatif yang mengandungi kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana, dan kecekapan tatabahasa merupakan alat yang sah untuk menggedkan sampel karangan bahasa Melayu yang digunakan dalam kajian.

Bukti kesahan kriteria yang ditunjukkan dalam kajian ini menyamai hasil beberapa kajian sebelum ini. Kesahan kriteria skema pemarkahan holistik dibuktikan sah berdasarkan kajian Homburg (1984) yang cuba menentukan perkaitan antara penilaian subjektif dengan penilaian objektif dalam pengukuran kefasihan mengarang dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dapatan kajian menunjukkan kriteria yang digunakan dalam penilaian objektif adalah sama seperti yang ditekankan dalam penilaian holistik dan ini menunjukkan kesahan proses penggedkan karangan secara

holistik. Faktor penting yang membantu kebolehpercayaan dan kesahan ialah latihan kepada pemeriksa.

Kesahan serentak bagi mengesahkan kriteria skema pemarkahan holistik oleh Goulden (1989) mengesahkan dapatan kajian yang menyokong kesahan penilaian holistik. Skema pemarkahan analitik dan holistik dalam pemarkahan kemahiran berucap di hadapan kelas didapati mempunyai korelasi yang tinggi yang membayangkan persamaan daerah umum tingkah laku atau gagasan yang diukur. Bukti kesahan kriteria skema komunikatif versi pemujukan seharusnya memberi keyakinan kepada pengamal ikhtisas dalam pengajaran kefasihan berbahasa untuk menggunakannya bagi menggredkan perlakuan karangan.

Dapatan kajian ini yang selari dengan dapatan kajian sebelumnya menambahkan bukti kesahan kriteria skema pemarkahan skema komunikatif. Kajian ini bukan sahaja mengesahkan kriteria pemarkahan holistik dalam pengredan karangan, tetapi meluaskan skop kefasihan berbahasa daripada bahasa kedua kepada pengajaran kefasihan berbahasa yang menekankan strategi bahasa pertama.

KESIMPULAN

Skema komunikatif versi pemujukan yang dibina berasaskan gagasan komunikatif bagi menggredkan karangan pemujukan bahasa Melayu sekolah menengah mengikut pencapaian menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Analisis kebolehpercayaan antara pemeriksa menunjukkan korelasi yang tinggi, iaitu dengan nilai koefisien korelasi yang mencapai 0.93 bagi alat ini. Korelasi yang tinggi antara pemeriksa bagi skema yang digunakan membayangkan kriteria alat yang berasaskan gagasan komunikatif bagi menggredkan karangan adalah mempunyai kesahan.

Bukti kesahan kriteria skema komunikatif versi pemujukan ditunjukkan melalui kesahan serentak dan kesahan bertumpu dengan terdapatnya korelasi yang tinggi antara skema komunikatif versi pemujukan dengan dua buah skema pemarkahan karangan yang sedia diterima pakai di Malaysia dan di luar negara. Skema komunikatif versi pemujukan yang berasaskan gagasan komunikatif dan menekankan konteks didapati mempunyai korelasi yang tinggi dengan skema tradisional yang menekankan pengetahuan tatabahasa, iaitu dengan koefisien korelasi melebihi 0.80.

Hasil kajian juga membuktikan pendekatan holistik dalam penilaian karangan mempunyai kesahan. Skema komunikatif versi pemujukan yang menggunakan pendekatan holistik dibuktikan mempunyai kesahan bertumpu

dengan menghasilkan korelasi yang tinggi dengan sebuah skema holistik yang sedia diterima pakai di Malaysia, iaitu skema tradisional, dan dengan skema wacana yang berlandaskan pendekatan analitik. Hasil kajian tentang kesahan pendekatan holistik dalam penilaian karangan seharusnya mengukuhkan kedudukannya sebagai alternatif terbaik dalam pemilihan alat untuk menggedredkan karangan bahasa Melayu dalam penilaian kendalian sekolah peringkat sekolah menengah.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib, 1993. *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anastasi, A., 1988. *Psychological Testing*. Edisi ke-6. New York: Macmillan Publishing Company.
- Azman Wan Chik, 1982. *Ujian Bahasa Malaysia: Panduan dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bachman, L.F. dan Savignon, S., 1986. "The Evaluation of Communicative Language Proficiency: "A Critique of the ACTFL Oral Interview" dlm. *The Modern Language Journal* 70, 4: 380-390.
- Canale, M. dan Swain, M., 1981. "A Theoretical Framework for Communicative Competence", dlm. *The Construct Validation of Test of Communicative Competence* Palmer, A.S., Peter J.M.G., dan George, A.T., (ed.) Washington: Teachers of English to Speakers of Other Languages.
- Carroll, J.B., 1980. *Testing Communicative Performance: An Interim Study*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Cooper, C.R., 1977. "Holistic Evaluation of Writing", dlm. *Evaluating Writing: Describing, Measuring, Judging* oleh Cooper, C.R. & Odell, L., (ed.) Urbana, Illinois: National Council of Teachers of English.
- Crocker, L. dan Algina, J., 1986. *Introduction to Classical and Modern Test Theory*. Orlando, Florida: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Duran, R.P., 1988. "Validity and Language Skills Assessments: Non-English Background Students", dlm. Wainer, H. dan Braun, H.I. Hillsdale, *Test Validity* oleh New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Fischer, R.A., 1984. "Testing Communicative Competence in French", dlm. *The Modern Language Journal*, 68, 1: 13-20.
- Goulden-Nancy-Rost, 1989. "A Comparison of Reliability and Validity of Holistic and Analytic Methods of Scoring Classroom Speeches", dlm. *Dissertation Abstracts International*, 51-05A: 1441.
- Hannah dan Charles-Austin, 1990. "The Effects of Holistic Scoring and Peer-evaluation on the Narrative and Expository Writing of Tenth Graders", dlm. *Dis-*

- sertation Abstracts International*, 52-09A:3167.
- Hashim-Othman, 2000a. "Penaksiran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu daripada Perspektif Komunikatif: Penetapan Piawai Perlakuan Minimum dan Analisis Kecekapan". *Jurnal Dewan Bahasa*, 44, 2: 193-207.
- Hashim-Othman, 2000b. "Penerokaan Komponen-komponen Komunikatif dan Pembinaan Skema Pemarkahan Holistik Berfokus bagi Menggred Perlakuan Karangan Bahasa Malaysia Sekolah Menengah". Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Hashim-Othman, 2001, "Komponen-komponen Komunikatif dalam Karangan Bahasa Melayu Sekolah Menengah". *Jurnal Bahasa*, 3, 1: 352-377.
- Hillocks, G. Jr., 1986. *Research on Written Composition: New Directions for Teaching*. Urbana, Illinois: National Conference on Research in English.
- Homburg, T.J., 1984. "Holistic Evaluation of ESL Compositions: Can It Be Validated Objectively"? dlm. *TESOL Quarterly*, 18, 1: 87-107.
- Hutchinson, C., 1990. "Communicative Competence in Language Teaching", dlm. *Handbook of Educational Ideas and Practices* oleh Entwistle, N., (ed.) London: Routledge.
- Hymes. D., 1972. "On Communicative Competence", dlm. *Sociolinguistics* oleh Pride, J.B. dan Holmes, J., (editor). Harmondsworth: Penguin Books.
- Jacob, H. L., Zingraf, S.A. Wormuth, D.R. Hartfiel, V.F., dan Hughey, J.B., 1981. *Testing ESL Composition: A Practicle Approach*. Rowley, M. A.: Newbury House.
- Juriah Long, 1992. "Pendekatan Pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah dalam Abad ke-21", dlm. Juriah Long, Halimah Badio Zaman, Putih Mohamed, dan Zalizan Mohd. Jelas., (peny.) *Aliran Dalam Amalan Pendidikan Menjelang Abad ke-21 Bangi*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987. *Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan 1 hingga 5 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan IV*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994. *Draf Buku Panduan Am Penilaian Kendalian Sekolah Menengah*: Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kern, R.G., dan Schultz, J.M., 1992. "The Effect of Composition Instruction on Intermediate Level French Students' Writing Performance: Some Preliminary Findings", dlm. *The Modern Language Journal*, 76, 1: 1-13.
- Khatijah Abdul Hamid, 1996. "Wacana dalam Teks Penulisan: Satu Tinjauan tentang Perkaitan Semantik dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar-pelajar dalam

- Sistem Pendidikan di Malaysia Berdasarkan Analisis Tautan Kohesi dan Koheren". Kertas kerja yang disampaikan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing dari 20 – 24 Mei 1996.
- Knudson, R.E., 1992. "Analysis of Argumentative Writing at Two Grade Levels". *Journal of Educational Research* 85, 3:169–179.
- Llyod-Jones, R., 1977. "Primary Trait Scoring", dlm. ed. *Evaluating Writing: Describing, Measuring, Judging*. Cooper, C.R. & Odell, L., Urbana, Illinois: National Council of Teachers of English.
- Ministry of Education Malaysia, 1997. *Curriculum Specifications for SMART Schools: Bahasa Melayu KBSR-KBSM*. Kuala Lumpur: Curriculum Development Centre.
- Mitchell, K. dan Anderson, J., 1986. "Reliability of Holistic Scoring for the MCAT Essay" dlm. *Journal of Educational and Psychological Measurement*, 46, 10: 771–775.
- Moss, P.A., Cole, N.S. dan Khampalikit, C., 1982. "A Comparison of Procedures to Assess Written Language Skills at Grades 4, 7, and 10" dlm. *Journal of Educational Measurement*, 19, 1.
- Odell, L., 1981. "Defining and Assessing Competence in Writing", dlm. *The Nature and Measurement of Competency in English* oleh Cooper, C.R., ed. Urbana, Illinois: National Council of Teachers of English.
- Oller, J.W. Jr., 1979. *Language Tests at School: A Pragmatic Approach*. London: Longman.
- Pula-Judith-Jernigen, 1990. "The Function of Personal Background, Professional Training, and Work Experience on Rater Performance in Holistic Scoring Sessions: A Study of Disciplinary Enculturation and Placement Context". dlm. *Dissertation Abstracts International*, 51–11A: 3714.
- Vahapassi, A., 1988. "The Domain of School Writing and Development of the Writing Tasks", dlm. *The IEA Study of Written Composition I: The International Writing Tasks and Scoring Scales* Gorman, T.P., Purves, A.C. & Degenhart, R.E. *The IEA Study of Written Composition I: The International Writing Tasks and Scoring Scales*. New York: Pergamon Press.
- Varble, M.E., 1990. "Analysis of Writing Samples of Students Taught by Teachers Using Whole Language and Traditional Approaches" dlm. *Journal of Educational Research*, 83, 5: 245–251.
- Weir, C.J., 1990. *Understanding and Developing Language Tests*. New York: Prentice-Hall.
- Weir, C.J., 1993. *Communicative Language Testing*. New York: Prentice-Hall.
- White, E.M., 1985. *Teaching and Assessing Writing*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Widdowson, H. G., 1978. *Teaching Language as Communication*. Oxford: Oxford University Press.
- Witt-Elizabeth-Anne, 1993. "The Construction of an Analytic Score Scale for the

Direct Assessment of Writing and an Investigation of Its Reliability and Validity (Writing Assessment)” dlm. *Dissertation Abstracts International*, 55-03A: 543.